

## Tugas Naib Canselor Usim bertukar tangan

**NILAI** – Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang baharu, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad menerima secara rasmi dokumen serah tugas daripada Naib Canselor Usim terdahulu, Datuk Profesor Dr Asma Ismail dalam satu majlis di sini, kelmarin.

Majlis serah tugas berlangsung di Dewan Besar Usim dan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin, pengurusan tertinggi dan ketua-ketua jabatan Usim.

Asma yang mengakhiri tugas pada 31 Mei lalu kini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Musa dilantik sebagai Naib Canselor Usim keempat bermula 16 Ogos lalu untuk tempoh tiga tahun.



**Asma (kiri)** menyerahkan dokumen serah tugas kepada Musa selaku Naib Canselor Usim yang baharu.